



# Buletin

## Pertandingan Kawat Kecekapan Operasi Kebombaan 2006


Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai

Bil. 4  
Sabtu  
29.07.2006

FFC Uji

# Mental

Peserta







## Ketua Editor

Salam sejahtera buat semua, ke-temu lagi diedisi yang keempat dalam buletin harian Pertandingan Kawat Kecekapan Operasi Kebombaan Peringkat Kebangsaan 2006, hari ke-empat pertandingan yang menyaksikan cabaran Fierfighters' Challenge dilangsungkan dengan 7 buah pasukan telah menamatkan persaingan masing masing manakala 8 pasukan berentap pada hari ini bagi memburu kejuaraan *Firefighters' Challenge* 2006. Semalam juga semua para kontinjen dan para petugas telah diraikan dalam satu majlis makan malam yang diadakan bagi menghargai sumbangan dan penglibatan semua dalam Pertandingan Kawat Kecekapan Operasi Kebombaan 2006. Setelah 7 pasukan menamatkan cabaran masing masing dalam acara FFC semalam dengan mempersembahkan saingan yang sengit , persaingan yang cukup sengit ini jelas dilihat berdasarkan kepada catatan masa yang diambil di setiap *check point* yang dilalui turut menggambarkan kesungguhan dan komitmen tinggi peserta. Suatu gambaran peningkatan dan kemajuan dalam pelaksanaan program latihan di peringkat *grass root*. Peningkatan dan kemajuan yang sebegini perlu diteruskan dan dikembangkan agar ianya bersifat dinamik dan menyeluruh. Sebagaimana maksud ucapan YAS Dato, Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Pertandingan semasa majlis makan malam semalam bahawa pertandingan yang sebegini lumrah diadakan di negara negara maju seperti di Amerika dan Kanada bertujuan untuk menilai dan mengukur prestasi semasa anggota anggota pasukan dan ianya merupakan satu pertandingan yang cukup berprestij. Cadangan YAS Dato' untuk menghadkan sekali penyertaan bagi setiap peserta sangat dialukan demi untuk pertambahan nilai pertandingan itu sendiri. Cabaran Pertandingan Kawat Kecekapan Operasi Kebombaan 2006 akan melabuhkan tirai perjuangannya, persaingan memburu kemenangan akan terhenti disini, namun pelaksanaan perjuangan memburu kecemerlangan akan tetap diteruskan. **Training Towards Excellence...** editor.

# R E C O R D S I

PEMAUNG  
PENASJHAT  
EDJTOR

GRAFIK & DESJGN  
JURUFOTO

PERCETAKAN  
& EDARAN

PEjB Nordin Pauzi  
PgKB Norazam Bin Khamis  
PPgB Mohamad Sabri Ismail,  
PB III Suki Annuar,  
PB III Thoyyibah Taib  
PB Mohd Azam Mohd Noor  
PB Raja Arisan Sahseni Raja Semail,  
PB Rassyidee Che Bebakar,  
PB Khairul Anuar Abd. Wahid ,  
PB Abdul Rashid Mamat  
PB Mohamad Ishak,  
PRA Ghazali Jusoh,  
PRA Fathi Ilmi A Rahman



### WAKTU SOLAT



30hb Julai 2006

Zohor - 1.16 petang  
Asar - 4.37 petang  
Magrib - 7.25 malam  
Isyak - 8.39 malam  
Suboh - 5.42 pagi

Sesungguhnya sembanhyang itu satu ketetapan yang dirwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya. (An Nisaa 103)



# FIRE FIGHTERS' CHALLENGE



Pertandingan *Firefighters Challenge* 2006 - Sebanyak 15 pasukan telah berjaya mempersembahkan aksi dan kebolehan masing masing berentap, beradu tenaga, mengembeling usaha dalam mengharungi kepayahan dan kegetiran acara yang disifatkan paling mencabar pernah diadakan yang bertujuan menguji persediaan mental dan fizikal peserta. Acara yang berlansung selama 2 hari adalah berbeza dengan pertandingan pada tahun lalu. Laluan "trek" acara yang ditetapkan boleh disifatkan sebagai cabaran *Eco Challenge*, di mana peserta dikehendaki mengharungi paya, mendaki dan menuruni bukit, merentasi semak samun, tanah lapang serta halangan-halangan yang disediakan oleh penganjur. Pertandingan ini merangkumi jarak laluan sejauh 9.5 kilometer di lokasi persekitaran Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai.

Persaingan acara ini dimulai dengan pelepasan pasukan dari Negeri Johor yang disempurnakan oleh Wasit Pertandingan iaitu YS Pengarah, JBPM Negeri Terengganu, PPJB Azmi bin Tamat. Bagi acara ini, PgKB Wan Razali bin Wan Ismail bertindak sebagai Ketua Pengadil. Suasana kesibukan dan kemeriahan di tapak permulaan, memberi gambaran kepada kita bahawa acara ini merupakan acara yang sangat dinanti-nantikan, kemuncak kepada segala acara yang dipertandingkan. Dari gelagat dan aksi peserta jelas menunjukkan kesungguhan dan perhatian serius terhadap acara ini. Ini mungkin kerana untuk berada di tahap ini peserta-peserta telah mengharungi sesi latihan yang sungguh intensif, telah banyak pelaburan dan pengorbanan baik dari segi masa, keringat dan wang ringgit yang telah dicurahkan untuk berada di dalam kelompok yang terbaik ini





Berat mata memandang berat lagi bahu memikul, sememangnya acara ini memerlukan ketahanan fizikal dan mental yang tinggi, kesihatan dan kekuatan tubuh badan sangat diperlukan dalam acara ini, faktor usia tidak banyak mempengaruhi kemampuan dan kebolehan sekiranya peserta telah menjalani latihan yang gigih dan bersistematik. Berdasarkan rekod penyertaan kali ini Pasukan Negeri Sembilan mencatatkan purata umur peserta paling muda dengan purata umur 25 tahun manakala Negeri Perlis mencatatkan purata umur penyertaan 31 tahun, PB Safar bin Salam dari Negeri Johor merupakan peserta paling *senior* dalam pertandingan kali ini, berusia 53 tahun manakala PB Khairool Musaiyar bin Musa dari Negeri Melaka menjadi peserta paling muda dengan usia 19 tahun



Setelah berakhirnya 15 pasukan memperlihatkan kemampuan dan kebolehan masing-masing **KELANTAN** masih berjaya mempertahankan kejuaraan dengan catatan masa terbaik 1 jam 31 minit 58 saat, **SARAWAK** ditempat kedua dengan catatan masa 1 jam 34 minit 22 saat dan tempat ketiga di.sandang oleh **WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN** dengan catatan masa 1 jam 36 minit 38 saat. Kita bersyukur kerana tiada yang mengalami kecederaan serius. Acara ini berjalan dengan lancar dan selamat. Komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat dalam menjayakan acara ini harus dipuji. Persediaan dan perancangan yang rapi serta kecekapan menggunakan peralatan dan kemudahan yang ada berjaya melicinkan pelaksanaan acara ini khususnya peralatan komunikasi.

### Keputusan Rasmi Acara Fire Fighters' Challenge 2006

NEGERI		KEPUTUSAN
KELANTAN		PERTAMA
SARAWAK		KEDUA
WP LABUAN		KETIGA
SELANGOR		KE - 4
PERAK		KE - 5
KEDAH		KE - 6
PAHANG		KE - 7
P. PINANG		KE - 8
WPKL		KE - 9
JOHOR		KE - 10
N. SEMBILAN		KE - 11
SABAH		KE - 12
TERENGGANU		KE - 13
PERLIS		KE - 14
MELAKA		KE - 15





## Kontinjen - Kontinjen Negeri Diraikan Di Hotel Primula Beach Resort



YAS Dato' Wan Mohd Noor  
bin Hj. Ibrahim

**28 Julai 2006**-Bertempat di Hotel Primula Beach Resort, Kuala Terengganu telah diadakan Majlis Makan Malam sempena Pertandingan Kawat Kecekapan Operasi Kebombaan 2006 bagi meraikan peserta-peserta serta menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan pertandingan peringkat kebangsaan ini.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan dari YS Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai merangkap Pengerusi Pengelola Pertandingan. Antara lain beliau menyatakan rasa terima kasih kepada semua atas kerjasama dan sokongan dalam menjayakan pertandingan ini. Majlis diteruskan dengan ucapan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Pertandingan. YAS Dato' menyatakan bahawa pertandingan ini merupakan suatu pertandingan yang cukup berprestij, dalam menilai prestasi dan kecekapan anggota. Program yang sebegini juga banyak diadakan di negara-negara maju seperti di Amerika dan Kanada. Seterusnya beliau menyarankan agar pihak pengurusan merancang dan mengkaji had penyertaan bagi seorang peserta bagi membolehkan program ini dapat dikembangkan secara menyeluruh kepada semua anggota.

Majlis ini diserikan lagi dengan kehadiran YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YS Pengarah Pengarah Negeri serta Pegawai Pegawai Kanan lain. Turut hadir menyerikan majlis ialah YB Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.

Majlis dimeriahkan dengan persembahan tarian oleh Kumpulan Kebudayaan Negeri Terengganu Darul Iman.



Menarik....persembahan  
kebudayaan dari Kumpulan  
Kebudayaan Negeri Terengganu  
telah memeriahkan lagi majlis ini.



Aluan....ucapan YS Komandan selaku  
Pengerusi Pengelola Pertandingan



# Kelantan Pertabankan KEJUARAAN FFC



## Raptai Penuh Majlis Penutupan Pertandingan Kawat Kecekapan Peringkat Kebangsaan 2006



Bagi peserta-peserta yang tidak terlibat dengan mana-mana acara, satu raptai penuh telah diadakan bagi Majlis Perasmian Penutupan yang dikendalikan oleh PgKB Mohd Yusof bin Mohd Gunnos dengan dibantu oleh PB II Mat Husin bin Mamat. Raptai ini juga turut melibatkan raptai pertunjukan demonstrasi yang dikendalikan oleh PPgB Azmi bin Morah Abas.



## Keputusan Keseluruhan Bagi Acara-Acara Pertandingan Kawat Kecekapan Peringkat Kebangsaan 2006

NEGERI	KAWAT KAKI	FFC	TANGGA	TABLE TOP	RTA	MENYELAMAT DI AIR	HANTARAN JAUH
PERLIS 	13	14	13	11	15	DQ	11
KEDAH 	15	6	12	7	9	14	2
P.PINANG 	1	8	5	14/15	6	12	10
PERAK 	5	5	DQ	12	1	13	5
WPKL 	3	9	1	3	5	6	1
SELANGOR 	6	4	7	9	14	11	12
N.SEMBILAN 	14	11	9	14/15	8	8	13
MELAKA 	8	15	4	1	13	9	15
JOHOR 	11	10	2	4	7	7	4
PAHANG 	9	7	6	8	3	4	6
TERENGGANU 	10	13	11	5	11	5	7
KELANTAN 	2	1	DQ	6	4	10	3
SABAH 	4	12	8	2	10	1	8
SARAWAK 	7	2	10	13	12	2	14
LABUAN 	12	3	3	10	2	3	9



